

Perkahwinan Bawah Umur Tanpa Kebenaran Mahkamah Syariah: Kajian Perbandingan Terhadap Faktor Penyebab Di Kelantan Dan Selangor

Hasrudin Bin Shikh Ali @ Shikh Hassan ¹
Unit Pengajian Am, Kolej Komuniti Gopeng
hasrudin@kkrtcg.edu.my

Abstract: Memiliki pasangan hidup adalah fitrah manusia yang bertujuan mencapai kebahagiaan. Islam menetapkan perkahwinan sebagai satu-satunya cara sah bagi hubungan antara lelaki dan wanita. Berdasarkan Undang-Undang Keluarga Islam di negeri-negeri, perkahwinan bawah umur hanya dibenarkan selepas mendapat kebenaran bertulis daripada Mahkamah Syariah dan mestilah memelihara kepentingan kanak-kanak terlibat. Namun demikian, perkahwinan bawah umur tanpa kebenaran mahkamah masih berlaku dan situasi ini jelas bertentangan dengan peruntukan undang-undang negeri. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti faktor-faktor penyebab perkahwinan bawah umur tanpa kebenaran dengan penumpuan kepada perbandingan di negeri Kelantan dan Selangor. Kajian ini adalah kajian kualitatif. Data diperoleh melalui temu bual dan analisis bahan daripada perpustakaan dan internet. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor penyebab adalah sama di kedua-dua negeri namun wujud perbezaan dari segi dominasi. Faktor desakan sosial akibat kemiskinan dan anak perempuan tidak bersekolah dikesan lebih dominan di kawasan pedalaman di Kelantan di mana perkahwinan dianggap sebagai jalan keluar untuk meringankan beban kewangan keluarga. Sebaliknya, faktor kehamilan luar nikah dikesan faktor dominan di Selangor yang berpunca daripada pergaulan bebas dan pengaruh media sosial yang mendorong keluarga memilih berkahwin tanpa melalui saluran undang-undang. Di samping itu terdapat juga faktor yang sama ketara yang menyumbang kepada fenomena ini di kedua-dua negeri iaitu kelemahan dari aspek penguatkuasaan undang-undang syariah. Ketidakecapan dalam pemantauan dan pelaksanaan undang-undang oleh pihak berkuasa berkaitan telah membuka ruang kepada perkahwinan yang berlaku tanpa prosedur Mahkamah Syariah. Justeru itu, usaha segera perlu dilakukan melalui program yang boleh meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keperluan mematuhi perundangan berkaitan perkahwinan bawah umur bagi menjaga kepentingan pasangan bawah umur.

Keywords: *Faktor Penyebab, Perkahwinan Bawah Umur, Maqasid Syariah*

1.0 PENDAHULUAN

Isu perkahwinan bawah umur tanpa kelulusan Mahkamah Syariah semakin mendapat perhatian di Malaysia. Di negeri-negeri seperti Kelantan dan Selangor, kes perkahwinan melibatkan remaja bawah umur masih tinggi termasuk yang dilaksanakan tanpa mengikut prosedur perundangan yang ditetapkan. Keadaan ini menunjukkan wujud factor penyebab yang mendorong ibu bapa untuk mengambil langkah sedemikian.

Di Malaysia, perkahwinan bawah umur memerlukan kebenaran bertulis daripada Mahkamah Syariah seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam setiap negeri. Walaupun undang-undang asasnya seragam antara negeri di Kelantan dan Selangor namun terdapat perbezaan dari segi had umur minimum perkahwinan dan dalam aspek pelaksanaan dan penguatkuasaan.

Menurut Zizul Naziha, (2020) Penolong Pengarah Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam, JAIS melalui temubual mengatakan bahawa di Selangor perkahwinan bawah umur ialah lapan belas tahun bagi pasangan lelaki dan perempuan.

Menurut Mohd Norhasdi, (2020) Penolong Pegawai Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam, JAHEAIK melalui temubual mengatakan bahawa berdasarkan kepada Enakmen Undang-

Undang Keluarga Islam Negeri (Kelantan) 2002, bagi seorang lelaki umurnya lapan belas tahun yang dibenarkan untuk berkahwin dan perempuan pada umur enam belas tahun

Menurut Zizul Naziha (2020), Penolong Pengarah Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam, JAIS melalui temubual mengatakan bahawa pernikahan bawah umur mesti melalui Mahkamah Syariah setelah Hakim Syarie memberikan kebenaran baru boleh dinikahkan. Sebelum ini Mahkamah Syariah tidak ada garis panduan yang diperundangan. Kebenaran perkahwinan adalah atas kebijaksanaan Hakim Syarie untuk menilai keperluan pasangan bawah umur ini berkahwin. Garis panduan itu telah ditambahbaik dan dimasukkan (ditambah) dalam Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2003 (Pindaan) 2018 Negeri Selangor.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis faktor yang mendorong berlakunya perkahwinan bawah umur tanpa kebenaran Mahkamah Syariah di Kelantan dan Selangor. Penyelidikan ini penting bagi membantu agensi seperti Jabatan Agama Islam dan NGO merangka dasar serta langkah pencegahan demi melindungi hak kanak-kanak dan memelihara kesejahteraan keluarga. Kelantan dan Selangor dipilih sebagai lokasi kajian kerana Kelantan adalah sebuah negeri membangun dan kebanyakan rakyat hidup dipedalaman dalam persekitaran budaya tradisional yang kuat manakala Selangor adalah negeri yang maju dan kebanyakan rakyat Selangor lebih terdedah kepada gaya hidup moden.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian lepas membantu memberi gambaran awal tentang hasil penyelidikan terdahulu berkaitan perkahwinan bawah umur di Malaysia. Namun demikian, didapati masih tiada kajian khusus yang meneliti faktor penyebab perkahwinan bawah umur tanpa kebenaran Mahkamah Syariah di Kelantan dan Selangor secara perbandingan.

Kelantan merupakan negeri yang mempunyai latar budaya tradisional yang kuat termasuk amalan masyarakat yang menerima perkahwinan awal sebagai norma. Tekanan sosial untuk menjaga maruah keluarga menjadi faktor utama khususnya apabila berlaku hubungan luar nikah atau kehamilan remaja (Abdullah & Rahman, 2021).

Kedudukan geografi Kelantan yang bersempadan dengan Thailand turut menyumbang kepada peningkatan kes perkahwinan bawah umur tanpa kebenaran Mahkamah Syariah. Dalam banyak kes, pasangan yang ingin berkahwin tanpa halangan undang-undang akan memilih untuk bernikah di sempadan selatan Thailand seperti di Narathiwat atau Golok. Nikah sindiket ini tidak melalui sistem kehakiman syariah di Malaysia dan menimbulkan kesukaran dalam mendaftarkan perkahwinan serta anak-anak yang dilahirkan (UNICEF Malaysia & SUHAKAM, 2021).

Berbeza dengan Kelantan, Selangor sebagai sebuah negeri maju berhadapan dengan cabaran pergaulan bebas, pengaruh media sosial dan urbanisasi. Remaja di kawasan bandar lebih terdedah

kepada gaya hidup moden dan tekanan rakan sebaya yang kadangkala membawa kepada hubungan intim tanpa nikah. Dalam keadaan berlaku kehamilan luar nikah, keluarga akan memilih untuk mengahwinkan pasangan dengan segera dan ada kalanya tanpa sempat mendapatkan kelulusan Mahkamah Syariah (KPWKM, 2020).

Kajian oleh Noraini dan Zaleha (2019) di Selangor menunjukkan bahawa kurangnya kesedaran mengenai peruntukan undang-undang perkahwinan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri turut mendorong kepada perkahwinan bawah umur tanpa melalui saluran yang sah. Ramai ibu bapa dan pasangan remaja tidak mengetahui bahawa perkahwinan bawah umur memerlukan kebenaran bertulis daripada Mahkamah Syariah. Dalam banyak keadaan, perkahwinan dilakukan di luar negeri bagi mengelakkan prosedur undang-undang yang ketat.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan dua sumber utama pengumpulan data iaitu temu bual dan bahan rujukan dari perpustakaan dan internet. Temu bual separa berstruktur dijalankan dengan dua pegawai dari Jabatan Agama Islam Kelantan dan Selangor yang terlibat secara langsung dalam hal ehwal perundangan keluarga Islam. Soalan yang digunakan bersifat terbuka bagi mendapatkan pandangan mendalam berkenaan faktor perkahwinan bawah umur tanpa kebenaran Mahkamah Syariah. Responden dipilih kerana peranan mereka yang penting dalam pengurusan isu ini di peringkat negeri.

Penyelidik merujuk bahan rujukan daripada perpustakaan dan sumber dalam talian bagi memperoleh maklumat yang relevan serta menyokong dapatan kajian. Perpustakaan menyediakan akses kepada pelbagai sumber seperti buku, jurnal, tesis dan laporan kajian yang menyokong hujah penyelidikan. Di samping itu, sumber internet yang sah seperti *Google Scholar* dan *ResearchGate* turut membantu mendapatkan maklumat terkini dan artikel berwasit yang relevan.

4.0 ANALISIS DATA DAN PENEMUAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa perkahwinan bawah umur tanpa kebenaran Mahkamah Syariah masih berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Fenomena ini adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang saling berkait.

4.1 Desakan sosial akibat kemiskinan.

Antara faktor utama yang dikenal pasti adalah tekanan sosial akibat kemiskinan. Dalam keluarga yang menghadapi desakan sosial akibat kemiskinan, perkahwinan dianggap sebagai cara untuk meringankan beban ibu bapa terutamanya dalam menjaga anak perempuan kerana tanggungjawab tersebut dipercayai akan beralih kepada suami selepas perkahwinan

Pada tahun 2018, satu kes perkahwinan bawah umur yang mendapat perhatian melibatkan seorang budak perempuan berusia 11 tahun dari Kelantan yang dikahwinkan dengan seorang lelaki berusia 41 tahun. Perkahwinan ini dilangsungkan di Sungai Golok, Thailand tanpa kebenaran Mahkamah Syariah Malaysia. Menurut laporan bahawa perkahwinan ini tidak didaftarkan di Malaysia dan tidak mendapat kebenaran bertulis daripada Mahkamah Syariah seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002.

Menurut laporan, ibu bapa kanak-kanak tersebut yang merupakan warga Thailand dan menetap di Gua Musang, Kelantan memberikan persetujuan terhadap perkahwinan ini. Mereka bekerja sebagai penoreh getah dan menghadapi kesukaran ekonomi. Dalam konteks ini, perkahwinan dilihat sebagai satu cara untuk memastikan masa depan anak mereka lebih terjamin dari segi kewangan dan sosial.

4.2 Pasangan muda yang melakukan hubungan tanpa nikah dan mengandung dipaksa berkahwin segera bagi menutup malu walaupun tanpa kebenaran mahkamah.

Kes hamil luar nikah sering menyebabkan keluarga memilih perkahwinan segera sebagai penyelesaian untuk menutup malu. Disebabkan rasa panik mereka bertindak bernikah secara rahsia tanpa kelulusan sah. Dalam kes sebegini, keluarga cenderung untuk menikahkan anak mereka segera bagi mengelakkan aib tanpa mengambil kira proses undang-undang yang sah.

Faktor kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja perempuan merupakan dikesan banyak berlaku di Selangor. Pergaulan bebas yang tidak terkawal ditambah dengan pengaruh media sosial dan kurangnya pendidikan seksual yang efektif menyumbang kepada peningkatan kes kehamilan remaja. Apabila kehamilan berlaku, keluarga dan pasangan terbabit memilih jalan perkahwinan segera tanpa melalui prosedur undang-undang yang sah bagi mengelakkan aib dan stigma sosial.

Menurut Zizul Naziha (2020), Penolong Pengarah Bahagian Undang-Undang Keluarga, JAIS melalui temubual mengatakan bahawa berdasarkan statistik orang yang berkahwin bawah umur di Selangor kebanyakan ibubapa yang suruh berkahwin sebab anak mereka telah terlanjur dan tidak bersekolah.

4.3 Kurang akses kepada pendidikan dan kadar kehadiran ke sekolah yang rendah

Perkahwinan bawah umur tanpa kebenaran Mahkamah Syariah sering dikaitkan dengan masalah struktur sosial termasuklah kurangnya akses kepada pendidikan dan kadar kehadiran ke sekolah yang rendah khususnya dalam kalangan komuniti luar bandar dan berpendapatan rendah. Apabila remaja tidak kekal dalam alam persekolahan maka mereka lebih mudah terdedah kepada persekitaran yang tidak terkawal termasuk tekanan sosial untuk berkahwin awal demi menjaga maruah keluarga atau mengelak pergaulan bebas.

Dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah, pendidikan sering kali tidak dianggap sebagai keutamaan terutama bagi anak perempuan. Apabila remaja tidak berada dalam sistem

persekolahan secara konsisten maka mereka mudah terdedah kepada persekitaran sosial yang berisiko termasuk hubungan luar nikah dan tekanan untuk berkahwin awal (Roslan & Idris, 2021).

Remaja yang tercicir sekolah cenderung melihat perkahwinan sebagai satu-satunya jalan keluar daripada masalah tekanan sosial sedangkan mereka tidak dibekalkan dengan kemahiran hidup atau kesedaran undang-undang yang sewajarnya.

4.4 Kelemahan dalam aspek penguatkuasaan undang-undang.

Kelemahan dalam aspek penguatkuasaan undang-undang turut dikenal pasti sebagai antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes perkahwinan bawah umur tanpa kebenaran yang sah. Di negeri Kelantan, pemantauan terhadap perkahwinan yang dilangsungkan di luar sempadan negeri terutamanya di kawasan sempadan seperti Sungai Golok, Thailand berdepan cabaran besar kerana ketiadaan sistem pemantauan rentas sempadan yang menyeluruh. Keadaan ini membuka ruang kepada ibu bapa dan pasangan bawah umur untuk mengelak daripada melalui prosedur undang-undang yang ditetapkan oleh Mahkamah Syariah seperti permohonan perkahwinan bawah umur yang memerlukan kebenaran bertulis daripada hakim.

Di Selangor pula, walaupun sistem pendaftaran perkahwinan dan pengurusan rekod lebih tersusun dan teratur tetapi masih wujud kes-kes perkahwinan bawah umur yang berlaku melalui penipuan maklumat. Antaranya termasuk pemalsuan umur semasa pendaftaran dan penggunaan khidmat sindiket nikah yang menawarkan jalan pintas kepada pasangan tanpa melalui proses yang sah. Hal ini menunjukkan bahawa keberkesanan penguatkuasaan bukan sahaja bergantung kepada sistem pentadbiran yang canggih tetapi juga kepada pemantauan berterusan serta ketegasan dalam tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan. Oleh itu kelemahan dalam pelaksanaan undang-undang yang sedia ada perlu ditangani secara menyeluruh agar hak dan kebajikan kanak-kanak dapat dilindungi secara efektif.

Kerajaan Negeri Selangor merancang untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 bagi memasukkan peruntukan khusus terhadap individu atau agen yang mempromosikan pernikahan di luar undang-undang Islam negeri. Pindaan ini dijangka dibentangkan pada tahun 2026 dan bertujuan untuk meningkatkan hukuman bagi kesalahan berkaitan, termasuk bersubahat dalam usaha membanteras nikah sindiket (Bernama, 2024)

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa tekanan sosial akibat kemiskinan, hubungan tanpa nikah dan mengandung, kadar kehadiran ke sekolah yang rendah, kelemahan dalam aspek penguatkuasaan undang-undang adalah faktor penyebab yang menyumbang kepada perkahwinan bawah umur tanpa kebenaran Mahkamah Syariah.

Meskipun undang-undang Syariah negeri telah menetapkan prosedur tertentu bagi kelulusan perkahwinan bawah umur namun terdapat bukti wujudnya pelanggaran terhadap peruntukan ini. Hal ini berlaku terutamanya di kawasan pedalaman seperti di Gua Musang. Amalan ini membuka ruang kepada penyalahgunaan dan pengabaian hak kanak-kanak selain merumitkan pemantauan dan perlindungan undang-undang terhadap mereka yang terlibat.

Fenomena ini menggambarkan jurang kefahaman masyarakat terhadap keperluan mematuhi prosedur undang-undang dalam urusan perkahwinan terutama apabila melibatkan golongan bawah umur. Ketidakpedulian atau kurangnya maklumat yang betul menyebabkan masyarakat cenderung untuk mengutamakan penyelesaian segera terhadap isu-isu sosial seperti kehamilan luar nikah tanpa mempertimbangkan implikasi jangka panjang terhadap masa depan remaja yang terlibat.

Oleh itu adalah penting untuk semua pihak yang berkepentingan memainkan peranan secara lebih aktif dan bersepadu dalam menangani isu ini. Pihak berkuasa agama perlu mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada dan memastikan bahawa setiap permohonan perkahwinan bawah umur diteliti secara menyeluruh demi kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut. Pada masa yang sama institusi pendidikan berperanan besar dalam menyampaikan pendidikan yang menyeluruh tentang kesihatan reproduktif, hak-hak kanak-kanak, serta perundangan berkaitan perkahwinan bawah umur supaya pelajar dapat membuat keputusan yang lebih bermaklumat.

Organisasi bukan kerajaan (NGO) juga perlu digembleng untuk menjalankan program-program advokasi yang menjurus kepada pemerkasaan komuniti terutamanya dalam kalangan golongan berisiko seperti remaja dan ibu bapa berpendapatan rendah. Seminar kesedaran, bengkel komuniti serta kempen pendidikan awam harus digiatkan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kesan negatif perkahwinan awal dari sudut psikologi, pendidikan dan sosioekonomi.

Sebagai kesimpulan, perkahwinan bawah umur tanpa kebenaran Mahkamah Syariah merupakan isu kompleks yang memerlukan pendekatan holistik merangkumi penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas, pendidikan yang bersifat pencegahan serta kerjasama erat antara institusi agama, pendidikan dan masyarakat sivil. Hanya melalui pendekatan menyeluruh dan berfokus kepada perlindungan hak kanak-kanak barulah isu ini dapat ditangani secara berkesan dan beretika. Langkah-langkah pencegahan dan intervensi awal harus dilaksanakan secara berterusan demi menjamin masa depan generasi muda yang lebih cerah dan terpelihara.

RUJUKAN

- Zainudin, Z., & Ismail, M. (2022). Kajian terhadap perkahwinan bawah umur dari sudut budaya masyarakat dan perspektif perundangan Islam. *Jurnal Syariah dan Masyarakat*, 20(1), 55–72
- Rahman, K., Sulaiman, N., & Ibrahim, M. (2022). Isu pelaksanaan undang-undang dalam kes perkahwinan bawah umur di Malaysia. *Jurnal Pentadbiran Syariah*, 7(1), 14–30.

Aziz, N. A., Latif, A. A., & Mahmud, W. R. W. (2020). Isu perundangan dalam kawalan perkahwinan bawah umur di Malaysia. *Journal of Islamic Law and Society*, 12(2), 102–117.

Ismail, R., & Awang, N. (2020). Hubungan antara keciciran pendidikan dan perkahwinan awal remaja di Kelantan. *Jurnal Pendidikan Islam dan Masyarakat*, 11(2), 88–102.

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2018). *Surat pekeliling Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bilangan 1 tahun 2018*.

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2020). *Laporan statistik permohonan kebenaran berkahwin 2019–2020*. Putrajaya: JKSM.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2020). *Laporan tahunan berkaitan isu perkahwinan kanak-kanak di Malaysia*. Putrajaya: KPWKM.

Lebar, O. (2018). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2020). *Kajian mengenai kehamilan remaja dan perkahwinan awal*. Kuala Lumpur: LPPKN.

Mohd, R., & Ahmad, S. (2020). Satu tinjauan kes terhadap kaitan pendidikan dan perkahwinan awal di negeri Selangor. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(2), 33–50.

Roslan, S., & Idris, M. Z. (2021). Hubungan antara tercicirnya pendidikan dan kecenderungan terhadap perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia. *Jurnal Pendidikan dan Pembangunan Sosial*, 9(1), 33–47.

UNICEF Malaysia, & Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. (2021). *Analisis situasi perkahwinan kanak-kanak di Malaysia 2021*. Kuala Lumpur: UNICEF Malaysia.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2018). Bayan Linnas Siri 145: Isu perkahwinan kanak-kanak menurut perspektif siyasah syar'iyah. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan.
<https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2545-bayan-linnas-145-isu-perkahwinan-kanak-kanak-menurut-perspektif-siyasah-syar-iyah>

al-Shāfi'ī, M. I. (2014). *Al-Umm*. Jakarta: Pustaka Azzam.